

Harian **METRO**

TARIKH	14 / 09 / 2016	SEKSYEN	SETEMPT
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

Makkah

Kumpulan pertama balik Sabtu ini

Penerbangan pertama yang membawa pulang jemaah haji Malaysia dijadualkan, Sabtu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata mereka terdiri daripada 450 jemaah haji melalui penerbangan KT02.

"Semua jemaah haji pertama itu berlepas dengan penerbangan Saudi Arabia SV5644.

"Mereka berlepas melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah ke Kuala Lumpur pada jam 10 malam waktu tempatan (3 pagi, Ahad waktu Malaysia)," katanya, di sini.

Seramai 22,320 jemaah haji negara menunaikan haji pada musim haji kali ini.